

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS APRESIASI MyMoheS
PADA HARI KHAMIS, 30 JUN 2011 PUKUL 11:00 PAGI
DI CARIBBEAN BALLROOM, BUKIT GAMBANG RESORT**

SALUTASI

Saudari Pengacara Majlis;

Rakan seperjuangan saya,

Y BHG Prof. Dr Badhrulhisham Abdul Aziz
Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa

YH Prof. Dato' Dr Rosli Yunus
Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi

Profesor Dr Shamsuddin Baharin
Pengarah, Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi
Dan juga mantan Penolong naib Canselor, PPKPK

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, dapat kita sekali lagi bersama dalam Majlis Apresiasi MyMohes pada tahun ini. Terima kasih saya ucapkan kepada mantan Penolong Naib Canselor PPKPK, Profesor Dr. Shamsuddin Baharin yang kini Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana sudi bersama-sama untuk meraikan kejayaan UMP ini.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua yang terlibat dalam kejayaan ini. Daripada para dekan, ketua-ketua jabatan sehinggalah pemegang data, sesungguhnya komitmen dan usaha tuan-tuan dan puan-puan telah melonjakkan nama UMP dalam kalangan IPTA di Malaysia. Tidak dinafikan kejayaan yang kita kecapai pada hari ini merupakan kesinambungan komitmen dan usaha gigih daripada pengerak-pengerak terdahulu sehingga memastikan UMP sentiasa berada di

landasan kejayaan dan kecemerlangan, seperti mana yang kita lihat pada saat ini.

MyMoheS

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Seperti mana yang kita sedia maklum, MyMoheS merupakan satu sistem maklumat yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan tujuan untuk menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian data antara KPT, IPTA, JPA, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan serta *stakeholders*. Data atau maklumat ini merupakan sumber rujukan penting dalam perancangan dan pembangunan modal insan untuk mencapai matlamat dan hala tuju negara.
4. Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan – melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan kaedah penarafan bintang (*star rating*) yang bertujuan untuk melihat tahap kesediaan IPTA dalam pengurusan dan pembekalan data ke sistem

MyMoheS, mengikut tiga kategori penarafan, iaitu tempoh masa penghantaran data, kesempurnaan data dan kualiti data. Manakala, asas data yang diperlukan oleh MyMohes pula adalah melibatkan data pelajar, data staf, data penyelidikan, data perundingan dan data pengkomersilan dan data maklumat umum universiti.

5. Dengan adanya sistem MyMoheS ini, maklumat dan data yang disalurkan oleh IPTA ke KPT adalah yang terkini lagi sah, sekali gus membantu KPT dalam membuat perancangan, menggubal dasar untuk membangunkan sistem pangajian tinggi yang mampan.
6. Dalam hal ini, UMP dengan kerjasama semua pihak, telah berjaya memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh KPT dalam penghantaran data MyMoheS dan saya amat berbangga dengan pencapaian UMP yang berjaya mengumpul sebanyak 98% markah keseluruhan, sekali gus berada di puncak *rating* pertama dan diberi penarafan 5 bintang.
7. Menyusuri kejayaan ini, ia bukanlah suatu perkara yang mudah. Pada tahun 2009, UMP diberi penarafan 3 bintang, namun demikian

berkat kegigihan kita semua, setahun kemudian UMP berjaya meletakkan dirinya di persada teratas carta dengan 94% markah dan diberi penarafan 4 ½ bintang. UMP terus melakar kejayaan. Pada Februari 2011, universiti kita mengekalkan tempat pertama dalam penghantaran data MyMoheS, di samping diberi penarafan 5 bintang. Yang terkini, saya dimaklumkan bahawa KPT telah memanggil semua IPTA untuk penarafan sekali lagi, bagi semester II sesi 2010/2011, yang mana markah UMP telah mencapai 100%. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga UMP yang telah bekerja keras untuk mencapai kejayaan ini.

BUDAYA KERJA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Kejayaan yang kita peroleh pada ketika ini, bukanlah kejayaan yang datang bergolek, sebaliknya natijah daripada usaha gigih dan budaya kerja cemerlang yang kita amalkan selama ini akhirnya membuahkan hasil yang sangat membanggakan kita semua. Sesungguhnya, kecemerlangan ini harus diteruskan dan diperkasakan dalam usaha

untuk merealisasikan visi universiti sebagai sebuah universiti teknologi bertaraf dunia.

9. Perlu ditekankan di sini, bahawa Budaya kerja cemerlang termasuklah rasa kekitaan yang mendalam terhadap organisasi, serta kesanggupan kita untuk berkorban demi kemampanan dan kelestarian organisasi tersebut. Selain itu budaya kerja cemerlang juga menekankan sikap kesegeraan yang perlu dipahatkan di dalam hati dan minda setiap warga kerjanya, agar kerja-kerja yang dilaksanakan menepati masa dan kualiti yang ditetapkan. Kejayaan UMP dalam Penarafan Data MyMoheS merupakan menifestasi budaya kerja cemerlang yang selama ini kita amalkan. Tanpa rasa cinta terhadap organisasi dan sikap kesegeraan dalam bekerja, saya percaya kejayaan ini sukar dikecapi. Justeru, kedua-dua sikap ini perlulah berjalan seiring dengan matlamat utama untuk menggerak agenda Pelan Strategik UMP 2011-2015.

10. Namun demikian, harus diingat kejayaan kita pada kali ini perlulah ditingkatkan lagi. Jangan cepat leka dan selesa dengan kecemerlangan ini kerana untuk berjaya dan terus maju, usaha perlulah konsisten.

PENGHARGAAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Inilah caranya pihak pengurusan mengiktiraf dan menghargai penat lelah tuan-tuan dan puan-puan dalam merealisasikan visi dan misi UMP. Walaupun dengan hanya jamuan makan tengahari, pihak pengurusan dengan tulus ikhlas menghargai usaha dan komitmen semua.

KATA PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Sebelum mengundur diri , sekali lagi diucapkan syabas dan tahniah kepada semua kerana tanpa anda semua kejayaan hari ini mungkin tidak akan dikecapi.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*